

Dr M akan lancar kempen kepimpinan melalui teladan

KOTA BAHARU, Rabu — Satu kempen menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan di kalangan pemimpin dan pekerja awam akan dilancarkan serentak di seluruh negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan.

Kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan' (KMT) itu bertujuan menyebarkan nilai-nilai murni dan perilaku mulia kepimpinan untuk direstapi dan diamalkan oleh para pemimpin dan pekerja awam.

Perdana Menteri akan melancarkan kempen itu 19 Mac depan.

Semua kakitangan kerajaan diarah berkumpul di pejabat masing-masing untuk mengikuti upacara pelancaran yang disiarkan secara langsung oleh RTM, kata sumber rasmi kerajaan.

Upacara pelancaran peringkat negeri diketuai oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri di padang atau stadium.

Semua kakitangan Kerajaan Pusat dan Negeri akan berhimpun setelah mendengar ucapan Perdana Menteri, dan di peringkat jajahan pula diketuai oleh Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Lagu tema

Di upacara itu, pasukan koir akan menyanyikan lagu tema KMT yang akan digubah oleh sebuah jawatankuasa kecil peringkat kebangsaan dan salinannya dibantar ke seluruh negara.

Buku-buku kecil kempen yang mengandungi kata-kata hikmat, matlamat kempen, teras perkhidmatan, ikrar, aturcara, etika kepimpinan

dan petikan kata-kata hikmat dari pemimpin negara akan diedarkan kepada semua peserta.

Menurut sumber itu lagi, sepanjang kempen tersebut, beberapa rancangan sebaran am dan media diadakan, termasuk mempamerkan papan tanda di simpang jalan sementara poster yang mengandungi logo kempen dan kata-kata hikmat akan dipamerkan di pejabat-pejabat kerajaan dan 'stamp mark' oleh Jabatan Pos pada semua surat dalam masa

kempen.

Perutusan kempen kepimpinan ini juga disebarkan dalam khutbah k h u t b a h J u m a a t, 'Sunday ceremony' di gereja dan lain-lain upacara agama.

"Kerajaan berharap, dengan pelancaran serentak itu dapat memberi kesan kepada semua lapisan pemimpin dan pekerja awam ke arah meningkatkan daya pengeluaran dan perkhidmatan yang berkesan dan amanah," kata sumber itu.

Menurutnya, kempen itu adalah keputusan Jawatankuasa Memajukan Perkhidmatan, di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam usaha melaksanakan etika perkhidmatan cemerlang tahun ini.

Kempen ini akan diadakan bersiri di sepanjang tahun ini dan kerajaan juga akan mengesan kegiatan kempen untuk mengubah-sual dan memperkukuhkan strategi dari masa ke semasa.

Kerajaan Negeri juga diarah membentuk jawatankuasa kempen peringkat negeri dan jajahan untuk menyelaraskan perjalanan kempen ini nanti.

Kerajaan berharap, pelancaran dan pelaksanaan kempen ini dijalankan secara sederhana kerana kemelesetan ekonomi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia